KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SELASA, 21 NOVEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



21/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **PENGGUNAAN CERMIN GELAP DIPUTUSKAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN - NANCY** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1032107/penggunaan-cermin-gelap-diputuskan-kementerian-pengangkutan-nancy | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.themalaysianinsight.com/s/472710 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |
| | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2246264 | BERNAMA.COM |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/20/ban-on-tinted-windows-under-mot-jurisdiction-says-nancy/103113 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/472696 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/kpkwm-mot-bincang-isu-cermin-gelap-kenderaan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/larangan-cermin-gelap-bidang-kuasa-mot-nancy-446778 | ASTROAWANI.COM |
| | https://thesun.my/cerita/nancy-larangan-cermin-gelap-bidang-kuasa-mot-BA11770122 | THESUNDAILY.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/elak-kecuaian-cadangan-larang-guna-cermin-gelap-kuasa-mot-nancy | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **NANCY SHUKRI: COUNTRY'S PROGRESS MEANINGLESS IF ISSUES AFFECTING CHILDREN NOT ADDRESSED** | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/20/nancy-shukri-countrys-progress-meaningless-if-issues-affecting-children-not-addressed/103083 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2246101 | BERNAMA.COM |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/20/kemajuan-kemakmuran-negara-perlu-selari-dengan-hak-kanak-kanak-nancy | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://thesun.my/local/nancy-country-s-progress-meaningless-if-issues-affecting-children-not-addressed-EB11769490 | THESUNDAILY.MY |

21/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **KES DERA KANAK-KANAK MENINGKAT - NANCY** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/635527/berita/nasional/kes-dera-kanak-kanak-meningkat---nancy | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1179346/jumlah-kes-dera-kanak-kanak-membimbangkan | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **SELANGOR CATAT KES KEGANASAN RUMAH TANGGA TERTINGGI** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/selangor-catat-kes-keganasan-rumah-tangga-tertinggi-2 | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **MORE GIRLS VICTIMS OF VIOLENCE AND ABUSE COMPARED TO BOYS, SAYS MINISTER** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/20/more-girls-victims-of-violence-and-abuse-compared-to-boys-says-minister | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **KPWKM SEDIA KHIDMAT KAUNSELING PADA KELUARGA MURID DISYAKI DIDERA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/635530/berita/nasional/kpwkm-sedia-khidmat-kaunseling-pada-keluarga-murid-disyaki-didera | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1032133/murid-dirotan-guru-di-madrasah-akan-diberi-kaunseling | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/murid-dirotan-dengan-batang-paip-akan-diberi-kaunseling/ | BULETINTV3.MY |

21/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **PENAMBAHBAIKAN AKTA OKU AKAN DIBENTANGKAN TAHUN HADAPAN** | |
| | https://harapandaily.com/penambahbaikan-akta-oku-akan-dibentangkan-tahun-hadapan/ | HARAPANDAILY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **BANJIR : 3 PPS DIBUKA DI DAERAH KUALA NERUS** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/banjir-3-pps-dibuka-di-daerah-kuala-nerus | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **NATIONAL CHILDREN'S DAY THIS YEAR TO FOCUS ON TALENT** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/20/national-childrens-day-this-year-to-focus-on-talent | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **HARI KANAK-KANAK: CEGAH KEMURUNGAN, ELAK MASALAH SOSIAL** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/hari-kanak-kanak-cegah-kemurungan-elak-masalah-sosial/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **SABAHAN TALENT AWARDED ON WORLD CHILDREN'S DAY** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/11/20/sabahan-talent-awarded-on-world-childrens-day/ | THEBORNEOPOST.COM |

21/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **LELAKI PERLU BERANI BUAT LAPORAN GANGGUAN SEKSUAL, GESA MENTERI** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/20/lelaki-perlu-berani-buat-laporan-gangguan-seksual-gesa-menteri/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://sinarplus.sinarharian.com.my/fyi/rupanya-ramai-lelaki-jadi-mangsa-gangguan-seksual-ini-yang-perlu-semua-ambil-tahu/ | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Y-LSPREGzpo | YOUTUBE |
| | https://suarasarawak.my/lelaki-mangsa-gangguan-seksual-perlu-berani-buat-laporan/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **HAVE CHILD RIGHTS IMPROVED IN MALAYSIA?** | |
| | https://www.themalaysianinsight.com/s/472585 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **TEMA 'HAK KAMI, MASA DEPAN KAMI' ANGKAT MARTABAT KANAK-KANAK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/20/tema-hak-kami-masa-depan-kami-angkat-martabat-kanak-kanak/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **CALL FOR MORE ACTION TO ADDRESS VAPING IN SCHOOLS** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/20/call-for-more-action-to-address-vaping-in-schools | THESTAR.COM.MY |

21/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **LARIKAN BAYI: DUA BERANAK, WANITA INDONESIA DISAMBUNG REMAN** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/11/20/larikan-bayi-dua-beranak-wanita-indonesia-disambung-reman/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/11/1031948/beli-bayi-rm2000 | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/jual-bayi-lelaki-tiga-termasuk-dua-beranak-disambung-reman/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kes-jual-beli-bayi-reman-dua-beranak-disambung/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **NEGERI LANCAR PROGRAM AJAK MASYARAKAT BANGKIT LAWAN KEGANASAN TERHADAP WANITA, KANAK-KANAK** | |
| | https://selangorkini.my/2023/11/negeri-lancar-program-ajak-masyarakat-bangkit-lawan-keganasan-terhadap-wanita-kanak-kanak/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **‘SAYA REDA BERPISAH DEMI MASA DEPAN MEREKA’** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/saya-reda-berpisah-demi-masa-depan-mereka/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **UCAPAN YB. DATO' SABARIAH SAIDAN SEMPENA BULAN KELUARGA KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI PAHANG** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=rJn6XlQ8zXA | YOUTUBE |

21/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **NINE-YEAR-OLD BOY AWARDED HANG TUAH MEDAL FOR SAVING FAMILY FROM FIRE** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/20/nine-year-old-boy-awarded-hang-tuah-medal-for-saving-family-from-fire | THESTAR.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/11/20/kanak-kanak-selamatkan-keluarga-daripada-kebakaran-dapat-pengiktirafan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/635542/video/berita-semasa-video/selamatkan-keluarga-dalam-kebakaran-altamis-terima-pingat-hang-tuah | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/kanak-kanak-selamatkan-keluarga-terima-pingat-hang-tuah/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **DEWAN RAKYAT: PASTIKAN KANAK-KANAK BEBAS DISKRIMINASI, EKSPLOITASI** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/dewan-rakyat-pastikan-kanak-kanak-bebas-diskriminasi-eksploitasi/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **KANAK-KANAK PERLU DIDEDAHKAN MAKLUMAT PENTING JENAYAH SIBER - AZALINA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1179123/kanak-kanak-perlu-didedahkan-maklumat-penting-jenayah-siber-azalina | BHARIAN.COM.MY |
| | https://themerdekatimes.com/news/2023/11/kanak-kanak-perlu-didedahkan-maklumat-penting-jenayah-siber-azalina/ | THEMERDEKATIMES.COM |

21/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **PASANG ALAT PENGESAN ELAK TRAGEDI TERTINGGAL ANAK DALAM KERETA** | |
| | https://www.bharian.com.my/kolumnis/2023/11/1179094/pasang-alat-pengesan-elak-tragedi-tertinggal-anak-dalam-kereta | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **TERGAMAK BUANG BAYI TEPI JALAN** | |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/tergamak-buang-bayi-tepi-jalan-x8przur | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **JANGAN SEMBUNYI ANAK OKU, HANTAR MEREKA KE SEKOLAH KHAS - RYTHM** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/20/jangan-sembunyi-anak-oku-hantar-mereka-ke-sekolah-khas-rythm/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **MALAYSIA PERLU BATALKAN LIMA RESERVASI DALAM KONVENSYEN HAK KANAK-KANAK - PESURUHJAYA SUHAKAM** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-perlu-batalkan-lima-reservasi-dalam-konvensyen-hak-kanakkanak-pesuruhjaya-suhakam-446793 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | **PROTECTING OUR CHILDREN ONLINE: THE DIGITAL WAY FORWARD** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2023/11/20/protecting-our-children-online-the-digital-way-forward/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

21/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 28 | **NEW ONLINE SYSTEM FOR CHILDREN TO REPORT CRIMES NEXT YEAR, SAYS AZALINA** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/20/new-online-system-for-children-to-report-crimes-next-year-says-azalina | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/20/ruu-suruhanjaya-kanak-kanak-dibentang-di-parlimen-minggu-depan/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/20/rang-undang-undang-suruhanjaya-kanak-kanak-dibentang-di-parlimen-minggu-depan-azalina | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1179192/pindaan-akta-suruhanjaya-hak-asasi-manusia-dibentang-di-parlimen | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rang-undangundang-suruhanjaya-kanakkanak-dibentang-di-parlimen-minggu-depan-azalina-446719 | ASTROAWANI.COM |
| | https://harapandaily.com/rang-undang-undang-ruu-suruhanjaya-kanak-kanak-malaysia-akan-dibentang-minggu-depan/ | HARAPANDAILY.COM |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/20/law-minister-says-govt-to-include-children-in-policy-making-in-effort-to-improve-their-future-protection/102988 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2246049 | BERNAMA.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/dewan-rakyat-ruu-suruhanjaya-kanak-kanak-dibentang-tidak-lama-lagi/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.malaysiakini.com/news/687189 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.wilayahku.com.my/ruu-suruhanjaya-kanak-kanak-dibentang-minggu-hadapan/ | WILAYAHKU.COM.MY |
| | https://beritabaik.net/2023/11/20/ruu-suruhanjaya-kanak-kanak-malaysia-akan-dibentang-sesi-ini/ | BERITABAIK.NET |

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BANTUAN TUNAI KHAS KENA ADA HAD MASA | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 21 NOV 2023 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bantuan tunai khas kena ada had masa

## Golongan penerima perlu berusaha cari jalan tingkat taraf ekonomi, ubah nasib

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Cadangan kerajaan memberikan bantuan tunai khas kepada isi rumah tidak berkemampuan dilihat usaha yang dapat membantu golongan itu meneruskan kelangsungan hidup.

Ketika ini, nilai purata pendapatan garis kemiskinan (PGK) terbaharu meningkat kepada RM2,589 berbanding RM2,208 pada 2019, manakala paras purata miskin tegar pula meningkat kepada RM1,198 berbanding RM1,169 (2019).

Bantuan itu membolehkan golongan yang melepasi had pendapatan itu, termasuk mereka tiada upaya bekerja disebabkan masalah kesihatan serta individu lanjut usia menampung perbelanjaan makanan, tempat tinggal, pakaian dan keperluan asas lain.

Presiden Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga (MACFEA), Prof Dr Ahmad Hariza Hashim, berkata usaha untuk mewujudkan bantuan itu satu langkah wajar, pada masa sama, kerajaan perlu bertindak proaktif mengeluarkan mereka daripada PGK.

"Saya bersetuju bantuan itu diberi bersasar kepada golongan miskin tegar yang tidak mampu keluar daripada PGK disebabkan masalah kesihatan dan usia semakin lanjut, tetapi pemberian itu bukan sepanjang hayat.

"Kita tidak mahu mereka ini menjadi selesa dengan pemberian terbabit, jadi mereka perlu berusaha keluar daripada kemiskinan dari semasa ke semasa dan penting untuk dimaklumkan, bantuan itu bukan sesuatu yang kekal, tetapi disebabkan keadaan semasa.

"Apabila mereka mempunyai usaha untuk keluar daripada kepompong kemiskinan, mereka akan dibantu oleh pihak kerajaan melalui agensi berkaitan yang bertindak sebagai pemudah cara menjadikan isi rumah sifar miskin," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan bantuan tunai khas secara bulanan kepada isi rumah tidak berkemampuan menyertai aktiviti menjana pendapatan atas faktor umur dan kesihatan.

Ia antara tiga cadangan dikemukakan kepada Perdana Menteri ketika beliau mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di Putrajaya, baru-baru ini.

Ahmad Hariza berkata, penerima bantuan juga perlu berusaha meningkatkan ekonomi berikutan sepanjang tempoh diberikan bantuan, mereka tidak lagi dibebani kelaparan serta kesukaran menyediakan makanan untuk keluarga.

"Peluang melalui bantuan ini perlu dimanfaatkan mereka untuk memikirkan jalan meningkatkan ekonomi keluarga, termasuk mengubah nasib keluarga dengan bantuan lain daripada kerajaan," katanya.

### Manfaatkan PADU

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mustazar Mansur, pula berkata kerajaan perlu menggunakan sepenuhnya Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) untuk mengenal pasti penerima yang benar-benar layak.

"Ramai miskin bandar ini tidak hanya boleh dibantu dengan bantuan bulanan, tetapi pendidikan anak penerima juga perlu dipastikan tidak terjejas, baru mereka ada jalan penyelesaian.

"Dana bantuan tidak semestinya guna sumber kerajaan kerana banyak agensi sanggup membantu dan sebagai timbal balik, kerajaan beri pelepasan cukai untuk peranan diambil swasta untuk bantu individu keluar daripada PGK.

"Hal ini menggalakkan penyumberluaran (outsourcing) tanpa membabitkan beban besar kerajaan seperti pembinaan lebuh raya oleh konsesi yang tidak membabitkan sumber kerajaan, tetapi kerajaan menawarkan kepada syarikat kompeten," katanya.

Bantuan tunai khas juga sangat diperlukan secara bersasar kerana Malaysia akan mencapai status negara tua 2030 dengan warga emas tiada dana persaraan tempat penjagaan, beban pelbagai penyakit.

"Golongan warga tua ini memerlukan pendapatan selesa sekurang-kurangnya RM2,500 hingga RM3,000 sebulan untuk masa emas mereka, jadi bantuan tunai khas sangat diperlukan.

"Kakitangan swasta atau pekerja gig yang tiada dana persaraan, tidak simpanan, mereka akan hadapi isu tidak cukup wang," katanya.

"Saya bersetuju bantuan itu diberikan bersasar kepada golongan miskin tegar yang tidak mampu keluar daripada PGK disebabkan masalah kesihatan dan usia semakin lanjut"



*Ahmad Hariza Hashim,*
*Presiden MACFEA*

"Dana bantuan tidak semestinya guna sumber kerajaan kerana banyak agensi sanggup membantu dan sebagai timbal balik, kerajaan beri pelepasan cukai"



*Mustazar Mansur,*
*Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KES DERA NAIK SEJAK DUA TAHUN LALU | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 21 NOV 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kes dera naik sejak dua tahun lalu

**Johor Bahru:** Kes penderaan kanak-kanak di negara ini menunjukkan aliran peningkatan yang membimbangkan sejak dua tahun lalu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata ia berikutan kes penderaan kanak-kanak dilaporkan di negara ini pada tahun lalu, meningkat kepada 6,740 kes berbanding 6,144 kes pada 2021.

Beliau berkata, sebanyak 5,216 kes penderaan kanak-kanak pula diterima Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat Ogos lalu dan ia amat membimbangkan.

"Angka penderaan kanak-kanak perempuan merekodkan jumlah tertinggi, iaitu seramai 3,348 orang, manakala kanak-kanak lelaki 1,868 orang.

"Semakin hari, semakin banyak kes penderaan yang dilaporkan. Berbanding tahun sebelumnya jumlahnya meningkat.

"Kes bertambah disebabkan orang ramai kini semakin peka dan sedar melaporkan penderaan yang berlaku di sekitar mereka berbanding sebelum ini.

"Selain itu, media sosial juga membantu sesuatu kes penderaan itu diketahui lebih cepat, secara tidak langsung mereka dapat kes dapat dilaporkan dengan cepat," katanya pada sidang media selepas Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan 2023 di sini, semalam.

Dalam pada itu, Nancy berkata, kes penderaan kanak-kanak bukan sahaja berlaku di rumah yang dilakukan ibu bapa serta penjaga kanak-kanak.

Malah, katanya, ia juga kini berlaku dan menular di taska dan pusat jagaan kanak-kanak.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PINGAT HANG TUAH 'HADIAH' KEBERANIAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 21 NOV 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan 2023

# Pingat Hang Tuah 'hadiah' keberanian



Nancy (kanan) tidak dapat menahan sebak selepas menyampaikan Pingat Hang Tuah kepada Altamis pada Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan 2023 di Johor Bahru, semalam. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

**Johor Bahru:** Keberanian seorang murid Tahun Tiga, Altamis Faiz, menyelamatkan enam ahli keluarganya yang terperangkap dalam kebakaran 4 September lalu, melayakkannya dianugerahkan Pingat Hang Tuah.

Altamis Faiz, 9, yang juga murid Sekolah Kebangsaan (SK) Desa Aman, Desa Coalfields, Sungai Buloh, Selangor, menerima anugerah berkenaan pada Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan 2023, di sini, semalam.

Ia disampaikan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Anugerah Pingat Hang Tuah yang diperkenalkan sejak 1960, dianugerahkan kepada kanak-kanak yang menunjukkan sifat keberanian yang istimewa dan luar biasa.

Tujuan utama penganugerahan itu untuk mengiktiraf kanak-kanak yang menunjukkan keberanian dalam membantu menyelamatkan nyawa manusia, harta benda atau tindakan yang mempunyai elemen keberanian serta luar biasa ketika kecemasan, bencana, kemalangan atau darurat.

Sementara itu, Altamis Faiz yang mengalirkan air mata ketika menerima anugerah berkenaan berkata, beliau tidak pernah mengharapkan balasan selepas menyelamatkan nyawa ahli keluarga yang amat disayanginya itu.

Mengimbau kejadian kebakaran yang berlaku itu, beliau berkata, dia terjaga dari tidur pada jam 4 pagi selepas terbau asap di bilik tidurnya.

"Saya nampak asap dari tingkat bawah sebelum turun dan ternampak bilik di bahagian bawah sudah terbakar dengan marak.

"Walaupun takut, saya memberanikan diri mengambil kunci rumah di bawah dahulu sebelum mengambil dan mendukung adik berusia tiga tahun yang tidur di bilik saya dan mengejutkan ibu bapa serta abang dan dua adik di bilik tidur mereka.

"Alhamdulillah, walaupun kami sekeluarga terpaksa merangkak dari tingkat atas kerana asap terlalu tebal, akhirnya kami berjaya menyelamatkan diri dan keluar dari rumah yang sedang terbakar," katanya selepas menerima anugerah berkenaan.

Dalam kejadian kebakaran 4 September lalu, rumah teres dua tingkat didiami keluarga Altamis Faiz, hampir musnah sepenuhnya apabila lebih 70 peratus daripadanya dimamah api.

## Didikan ilmu persilatan

Ditanya daripada mana keberanian, selain sikap tidak panik apabila sempat mengambil kunci rumah sebelum mengejutkan ibu bapa serta ahli keluarganya yang lain, Altamis Faiz berkata, ia berkat didikan ayahnya dengan ilmu persilatan.

"Sebenarnya saya belajar supaya tidak gelabah ketika kebakaran apabila menonton satu episod siri animasi *Upin dan Ipin* mengenai kebakaran supaya tidak panik dan langkah untuk menyelamatkan diri," katanya.

Dalam pada itu, ibunya, Ezrin Baharuddin, 49, terharu dengan keberanian serta kebijaksanaan anak kedua daripada lima beradik yang sempat mengambil kunci rumah sebelum mengejutkan mereka sekeluarga.

"Jika Altamis Faiz tidak terfikir untuk ambil kunci rumahnya dahulu, mungkin nasib kami sekeluarga berbeza. Ketika menyelamatkan diri, kami sekeluarga langsung tidak dapat melihat dalam suasana gelap berikutan asap yang terlalu tebal sebelum kami semua merangkak dari tingkat atas sehingga keluar ke pintu di tingkat bawah," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PROGRAM DIDIK WANITA HADAPI ISU JENAYAH, KEGANASAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 21 NOV 2023 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Program didik wanita hadapi isu jenayah, keganasan

**Jempol:** Keganasan terhadap wanita bukan sahaja boleh menyebabkan trauma sepanjang hayat, tetapi juga ada sesetengah kes menyebabkan kematian dan si pelakunya ada dalam kalangan keluarga dan yang tidak dikenali.

Prihatin dengan isu ini, Jabatan Pembangunan Wanita, Negeri Sembilan dan Pusat Komuniti Desa (PKD) menganjurkan program Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita membabitkan 100 wanita daripada komuniti setempat dan wakil agensi kerajaan menyertai program.

Ia bertujuan memberi kesedaran wanita mengenai jenayah dan keganasan sering berlaku terhadap golongan itu.

Pengurus PKD Serting Ilir, Nurulazma Shafiqah Khairul Azhar, berkata kempen merangkumi tiga aspek utama berkaitan dengan jenayah scammer membabitkan wanita, kesedaran keganasan rumah tangga dan demonstrasi mempertahankan diri.

"Ini dapat mempersiapkan wanita dengan pengetahuan dan pemahaman mengenai keganasan dan tindakan boleh diambil.

"Jenayah scammer antaranya, love scam, parcel scam banyak berlaku sehingga menyebabkan kerugian ratusan ribu ringgit, namun masih ada wanita masih tidak peka dengan kejadian itu.

"Keganasan rumah tangga, samun, gangguan seksual juga banyak membabitkan wanita sehingga ada kes menyebabkan mangsa trauma sepanjang hayat dan menjejaskan kehidupan seharian," katanya.



*Sebahagian peserta yang menyertai Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita yang dianjur PKD Serting Ilir.*
(Foto Abnor Hamizam Abd Manap/BH)

## Platform dapat maklumat

Nurulazma Shafiqah berkata, wanita menggunakan media sosial bagi mendapatkan maklumat berkaitan, tetapi ada wanita yang tiada akaun media sosial.

Justeru, program bersemuka sebegini sebagai platform terbaik wanita mendapatkan maklumat.

Peserta Nur Umirah Abu Hassan, 35, berkata program diadakan sangat bermanfaat dan sebagai wanita, mereka harus mempunyai pengetahuan berkaitan pelbagai jenayah yang wanita kerap menjadi mangsa.

"Contohnya, jika berlaku keganasan membabitkan ahli keluarga sewajarnya ia dilaporkan kepada pihak berkuasa dan bukan menyembunyikan kejadian bagi mengelak menjadi lebih parah," katanya.

Latifah Md Noor, 63, berkata golongan berusia perlu juga sentiasa peka dengan kejadian jenayah dan tidak mengambil remeh.

"Selain mendapat ilmu dan perkongsian mengenai jenayah terhadap wanita, saya juga dapat mempelajari teknik mempertahankan diri untuk digunakan jika berdepan saat cemas," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RUU SURUHANJAYA KANAK-KANAK DIJANGKA DIBENTANG MINGGU DEPAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 21 NOV 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# RUU Suruhanjaya Kanak-Kanak dijangka dibentang minggu depan

Azalina harap bacaan pertama dapat dilaksanakan tahun ini

Oleh Rohaniza Idris dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pindaan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 antaranya bagi menubuhkan Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia, dijangka dibentangkan sebelum sesi Dewan Rakyat berakhir 30 November ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata beliau berharap sekurang-kurangnya bacaan pertama RUU itu dapat dilaksanakan tahun ini.

"Selepas Rang Undang-Undang Perbekalan 2024 selesai, kami ada tiga hari untuk pembentangan rang undang-undang lain, jadi kami cuba pada sesi kali ini, ada masa untuk pastikan bacaan kali pertama dapat dilakukan.

"Bagaimanapun, buat masa ini, kami tumpu sehingga Rang Undang-Undang Perbekalan 2024 selesai dan dilulus Parlimen," katanya selepas meninjau Pameran Hari Kanak-Kanak Sedunia sempena sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2023, semalam.

Sebelum ini, Azalina memaklumkan, akta khusus untuk suruhanjaya kanak-kanak di negara ini bertujuan menubuhkan sebuah badan bebas bagi menegakkan hak semua kanak-kanak di Malaysia.

Beliau berkata, akta itu turut menjadi kesinambungan kepada pelantikan Pesuruhjaya Kanak-Kanak.

## Semua pihak kena satu hati

Pada masa sama, Azalina berharap semua pihak dapat bersatu hati dalam hal dan isu berkaitan perlindungan serta hak kanak-kanak yang dibawa ke Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara.

"Saya berpendapat isu mengenai golongan rentan, terutama kanak-kanak perlu dijadikan realiti dengan penyertaan ahli Parlimen daripada kedua-dua belah pihak... anda perlu bersatu padu demi kanak-kanak," katanya.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ALTAMIS WIRA SEJATI | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 21 NOV 2023 | M/SURAT | : | 01&11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




Oleh Mohamed Farid Noh
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**



NANCY (tiga dari kanan) menyampaikan Pingat Hang Tuah tahun 2023 kepada Altamis pada Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan 2023 di Johor Bahru, semalam. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

HARGAI KEBERANIAN SELAMATKAN 6 AHLI KELUARGA

## Altamis sebak terima anugerah Hang Tuah

"Saya tidak pernah mengharapkan balasan bagi menyelamatkan nyawa ahli keluarga yang amat disayangi," kata Altamis Faiz, penerima anugerah Pingat Hang Tuah di sini, semalam.

Altamis, 9, murid tahun tiga Sekolah Kebangsaan (SK) Desa Aman, Desa Coalfields, Sungai Buloh, Selangor menerima anugerah berkenaan pada Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan 2023.

Kanak-kanak itu yang mengalirkan air mata ketika menerima anugerah berkenaan yang disampaikan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri dianugerahkan pingat itu atas keberaniannya menyelamatkan enam ahli keluarganya yang terperangkap dalam kebakaran pada 4 September lalu.

Mengimbau kejadian kebakaran yang berlaku itu, dia terjaga dari tidur pada jam 4 pagi selepas terbau asap di bilik tidurnya.

"Saya nampak asap dari tingkat bawah sebelum turun dan ternampak bilik di bahagian bawah sudah terbakar.

"Walaupun takut, saya memberanikan diri mengambil kunci rumah di bawah dahulu sebelum mengambil dan mendukung adik berusia tiga tahun yang tidur di bilik saya dan mengejutkan ibu bapa serta abang dan dua lagi adik di bilik tidur mereka.

"Alhamdulillah, walaupun kami sekeluarga terpaksa merangkak dari tingkat atas kerana asap yang terlalu tebal, akhirnya kami berjaya menyelamatkan diri dan keluar dari rumah yang terbakar itu," katanya selepas majlis itu.



ALTAMIS bersama keluarga sambil memangku adiknya, Aryan Adwa, 3, yang diselamatkan ketika kejadian kebakaran di rumahnya pada September lalu.

Dalam kejadian kebakaran pada 4 September lalu, rumah teres dua tingkat didiami keluarga Altamis hampir musnah sepenuhnya apabila lebih 70 peratus daripadanya hangus.

Anugerah Pingat Hang Tuah yang diperkenalkan sejak 1960, dianugerahkan kepada kanak-kanak yang menunjukkan sifat keberanian istimewa dan luar biasa.

Tujuan utama penganugerahan itu adalah untuk mengiktiraf kanak-kanak yang menunjukkan keberanian dalam membantu menyelamatkan nyawa manusia, harta benda atau tindakan yang mempunyai elemen keberanian serta luar biasa sewaktu kecemasan, bencana, kemalangan atau darurat.

Ditanya dari mana keberanian selain sikap tidak panik apabila sempat mengambil kunci rumah sebelum mengejutkan ibu bapa serta ahli keluarganya yang lain, Altamis berkata, ia adalah berkat didikan ayahnya dengan ilmu persilatan.

"Sebenarnya saya belajar supaya tidak gelabah ketika kebakaran apabila menonton satu episod siri animasi Upin dan Ipin mengenai kebakaran supaya tidak panik dan langkah-langkah untuk menyelamatkan diri," katanya.

Sementara itu, ibunya, Ezrin Baharuddin, 49, terharu dengan keberanian serta kebijaksanaan anak kedua daripada lima beradik itu yang sempat mengambil kunci rumah sebelum mengejutkan mereka sekeluarga.

"Jika Altamis tidak terfikir untuk ambil kunci rumahnya dahulu, mungkin nasib kami sekeluarga berbeza.

"Ini kerana ketika menyelamatkan diri, kami sekeluarga langsung tidak dapat melihat dalam suasana gelap berikutan asap terlalu tebal sebelum kami semua merangkak dari tingkat atas sehingga keluar ke pintu di tingkat bawah," katanya.



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GURU MADRASAH DITUDUH CEDERAKAN FIZIKAL, EMOSI MURID | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 21 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

SUSULAN SEBAT GUNA PAIP PVC

# Guru madrasah dituduh cederakan fizikal, emosi murid

**Sik:** Seorang guru madrasah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Baling di sini, semalam atas pertuduhan mencederakan fizikal dan emosi muridnya yang berusia lapan tahun pada 11 November lalu.

Tertuduh Amirul Hakim Johari, 27, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Najwa Che Mat.

Mengikut pertuduhan, Amirul Hakim didakwa menyebabkan kecederaan fizikal dan emosi terhadap seorang kanak-kanak lelaki itu di Madrasah Baituttaqwa Warahmah di Kampung Durian Burung di sini, pada 11 November lalu.

Tertuduh yang berasal dari Petaling Jaya, Selangor itu didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001.

Jika sabit kesalahan tertuduh boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 20 tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Ikmal Affandi Zulkifli, manakala tertuduh diwakili Al-Sabri Ahmad Kabri.



TERTUDUH mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Baling semalam atas pertuduhan mencederakan seorang muridnya berusia lapan tahun.

Muhamad Ikmal kemudiannya memohon mahkamah menetapkan wang jaminan RM30,000 terhadap tertuduh berserta syarat tambahan tidak boleh mengganggu mangsa atau saksi.

Peguam tertuduh bagaimanapun memohon mahkamah memberikan jaminan minimum kerana tertuduh berpendapatan rendah.

